

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
[ROMPIN]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi yang telah diambil oleh Kementerian untuk memperkukuhkan kerjasama antarabangsa bagi melindungi ruang siber negara memandangkan terdapat beberapa laporan bahawa terdapat cubaan serangan kepada beberapa ruang siber agensi Kerajaan.

JAWAPAN

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Malaysia telah dan sedang melaksanakan pelbagai inisiatif dalam strategi kerjasama antarabangsa untuk menangani isu keselamatan siber melibatkan kerjasama diplomatik dan polisi, penguatkuasaan dan kerjasama teknikal. Di peringkat ASEAN, Malaysia amat aktif melaksanakan inisiatif kerjasama di ketiga-tiga platform ASEAN iaitu komuniti politik dan keselamatan, komuniti ekonomi dan komuniti sosio-budaya yang masing-masing mempunyai pelbagai inisiatif keselamatan siber.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia menerajui pembentukan *ASEAN Cybersecurity Coordinating Committee* (ASEAN Cyber-CC), iaitu satu platform yang menyelaras semua aktiviti dan inisiatif

NO. SOALAN : 17

berkaitan keselamatan siber merentasi ketiga-tiga tonggak Komuniti ASEAN. Malaysia juga merupakan antara negara yang aktif dalam mengetengahkan idea dan pandangan serta menjadi pencetus kepada pembangunan platform khusus bagi membincangkan isu keselamatan siber.

3. Antaranya termasuklah pembangunan *ASEAN Regional Forum (ARF) Work Plan on Security of and in The Use of ICTs* dan pembangunan platform khusus bagi membincangkan isu berhubung keselamatan siber dalam ARF iaitu *ARF Inter-Sessional Meeting on Security of and in The Use of ICTs*. Penubuhan platform ini turut membawa kepada inisiatif-inisiatif pembangunan keyakinan, khusus dalam bidang keselamatan siber seperti *ARF Cyber Point of Contacts (PoC)*, perbincangan berhubung norma-norma siber serta pelaksanaan seminar, bengkel dan latihan dalam bidang keselamatan siber.

4. Dari aspek jenayah siber, agensi penguatkuasa turut melaksanakan kerjasama dalam perkongsian maklumat untuk mempercepatkan proses siasatan. Malaysia juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama negara Amerika Syarikat, Australia, United Kingdom dan Vietman serta Perjanjian bersama negara Arab Saudi dan China berhubung kerjasama dalam menangani jenayah rentas sempadan termasuk jenayah siber.

5. Selain itu, Malaysia melalui *National Cyber Coordination and Command Centre (NC4)* turut berkerjasama dengan negara-negara serantau dalam menangani insiden serangan siber. Malaysia juga sentiasa memastikan elemen pembangunan keupayaan dan kepakaran di masukkan dalam semua kerjasama yang terlibat oleh Malaysia sama ada di peringkat serantau atau antarabangsa. Malaysia juga merupakan negara anggota *Global Forum of Cyber Expertise (GFCE)*, forum global yang dianggotai oleh pelbagai pemegang taruh (stakeholders) kepada persekitaran siber iaitu negara-negara, organisasi-organisasi antarabangsa dan syarikat-syarikat swasta untuk bertukar-tukar pengetahuan dan berbincang mengenai amalan terbaik serta berkongsi kepakaran dalam bidang keselamatan siber dalam memperkukuhkan pembangunan kapasiti dalam bidang keselamatan siber di peringkat global.

NO. SOALAN : 17

6. Di samping itu, Malaysia juga merupakan negara yang aktif dan telah 2 kali dilantik oleh pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) sebagai salah sebuah negara bagi menganggotai kumpulan pakar dalam *United Nations Group of Governmental Experts (UNGGE) on Developments in Information and Telecommunications in the Context of International Security*. Kumpulan ini membincangkan isu-isu keselamatan siber dengan melihat kepada dasar dunia dalam perkara-perkara berkaitan perundangan, teknikal, kerjasama antarabangsa, inisiatif, tindakan pembinaan keyakinan seterusnya mencadangkan halatuju UN dalam menangani isu keselamatan siber secara berkesan di peringkat global.

7. Pada masa yang sama, Malaysia juga turut aktif menyuarakan pendirian dalam *United Nations Open-Ended Working Group on Developments in the Field of Information and Telecommunications in the Context of International Security (OEWG)*, sebuah platform membincangkan elemen yang hampir sama dengan UNGGE tetapi lebih inklusif melibatkan semua negara anggota PBB.

8. Pada 12 Oktober 2020 yang lepas, Strategi Keselamatan Siber Negara (Malaysia Cyber Security Strategy (MCSS) telah dilancarkan dimana kerajaan memperuntukkan RM1.8 billion untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif keselamatan bagi tempoh 2020 sehingga 2024. Strategi ini memperincikan program-program kerjasama bilateral dan multilateral secara lebih bersepadu dengan mengambil kira penglibatan semua pihak termasuk kerajaan, swasta, industri dan ahli akademik.

Sekian, terima kasih.